

**KENYATAAN SURUHANJAYA TENAGA
MENGENAI SEMAKAN SEMULA HARGA GAS ASLI
BAGI SEKTOR BUKAN ELEKTRIK
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

1. Selaras dengan pelan rasionalisasi subsidi negara bagi memastikan bekalan gas asli adalah sentiasa terjamin, kerajaan telah memutuskan bahawa berkuatkuasa 15 Julai 2016, tarif gas asli yang dibekalkan oleh Gas Malaysia Berhad (GMB) disemak semula seperti berikut:

Kategori Tarif	Purata Penggunaan Gas Tahunan (mmBtu)	Tarif Semasa (RM/mmBtu)	Tarif Baru Mulai 15 Julai 2016 (RM/mmBtu)
A	Pengguna Domestik	19.52	19.52
B	0 - 600	23.78	25.20
C	601 - 5,000	23.90	25.33
D	5,001 - 50,000	24.14	25.58
E	50,001 - 200,000	25.19	26.69
F	200,001 - 750,000	25.19	26.69
L	Melebihi 750,000	26.03	27.58
Purata		25.53	27.05

2. Peningkatan harga gas asli berpaip dan kuantiti gas asli cecair serta ketidakstabilan nilai Ringgit telah menyumbang kepada peningkatan tarif gas asli dengan kadar kenaikan tarif purata sebanyak 5.95 peratus. Bagaimanapun, semakan semula tarif gas asli tidak melibatkan pengguna gas asli kategori A yang merupakan pengguna domestik.

SURUHANJAYA TENAGA

28 Jun 2016